

18 OCT 2001

Najib-Nafi

KEMENTERIAN PERTAHANAN NAFI PESAWAT AMERIKA CEROBOK RUANG UDARA M'SIA

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Kementerian Pertahanan hari ini menafikan laporan media kononnya sebuah pesawat pengebom milik Amerika Syarikat mencerobohi ruang udara Malaysia Ahad lepas.

Menterinya Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak berkata siasatan kementerian mendapati laporan kononnya pesawat pengebom B-2 Stealth telah menggunakan ruang udara Malaysia adalah tidak benar.

"Siasatan juga mendapati tidak ada sebarang kapal terbang kombatan yang menggunakan ruang udara Malaysia," kata Najib kepada pemberita selepas dikunjungi Duta Amerika ke Malaysia Marie T. Huhtala di pejabatnya di sini.

Najib mengulas laporan media pada Isnin yang memetik laporan Buletin Utama yang disiarkan oleh TV3 bahawa seorang penumpang pesawat Penerbangan Malaysia mendakwa terlihat pesawat itu ketika dalam penerbangan dari Hong Kong ke Sabah.

Mengenai pertemuan selama 40 minit itu, Najib berkata Huhtala telah menyatakan bahawa kerajaan Amerika Syarikat memahami pendirian Malaysia mengenai isu membanteras keganasan dan menghargai kesanggupan Malaysia bekerjasama bagi membanteras sebarang bentuk keganasan.

Selain itu, katanya Huhtala juga menyatakan bahawa pentadbiran George W. Bush memahami mengapa Malaysia tidak bersetuju terhadap serangan yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat terhadap Afghanistan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas menyatakan pendirian Malaysia yang tidak bersetuju terhadap tindakan Amerika Syarikat menyerang Afghanistan kerana ini akan hanya mengorbankan orang awam yang tidak berdosa.

Najib berkata: "Pendirian Malaysia itu tidak bererti kita menyokong puak Taliban tetapi kita tidak rela melihat mereka yang tidak berdosa menjadi mangsa."

Mengenai laporan akhbar New York Times minggu lepas kononnya Malaysia merupakan satu daripada sasaran Amerika Syarikat kerana melindungi pengganas, Najib berkata sungguhpun ia tidak dinyatakan secara jelas dalam pertemuan itu, namun Huhtala menyatakan bahawa kerajaan Amerika Syarikat tidak menganggap Malaysia sebagai negara yang melindungi pengganas.

Justeru, katanya laporan oleh media Amerika Syarikat itu adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali.

-- BERNAMA
AKT KHY RHM